

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN NEGARA
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : SENATOR DATUK NELSON W ANGANG

TARIKH : 18 DISEMBER 2024 (RABU)

SOALAN

Senator Datuk Nelson W Angang minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah usaha-usaha terkini yang diambil oleh Kementerian untuk menangani kenaikan harga tiket penerbangan yang tinggi khususnya bagi penerbangan ke Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Sebagai sebuah Kerajaan yang berteraskan Malaysia Madani, Kementerian Pengangkutan (MOT) memandang serius akan keluhan dan rungutan rakyat mengenai harga tambang tiket penerbangan.
2. Untuk makluman Yang Berhormat Senator, harga tambang penerbangan ditentukan oleh kuasa permintaan dan penawaran. Kebiasaananya, syarikat penerbangan akan mula menjual tiket seawal sembilan bulan sebelum tarikh penerbangan. Apabila harga tiket disemak satu atau dua minggu sebelum tempoh perjalanan, harga tiket kebiasaananya sudah tinggi. Ini adalah kerana harga tiket di bakul yang murah sudah habis dijual dan harga tiket di bakul yang tinggi sahaja yang tinggal.
3. Bagi menangani masalah harga tiket penerbangan yang tinggi semasa musim puncak, MOT telah mengadakan perbincangan dengan Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (MAVCOM) dan syarikat-syarikat penerbangan domestik bagi memastikan harga tiket penerbangan yang ditawarkan adalah kompetitif. Hasil perbincangan tersebut, syarikat-syarikat penerbangan telah bersetuju untuk menambah kapasiti penerbangan dari semasa ke semasa bergantung kepada permintaan.
4. Pada masa ini, syarikat-syarikat penerbangan negara beroperasi secara keseluruhan sebanyak 645 penerbangan seminggu dari pelbagai destinasi di Semenanjung ke destinasi-destinasi di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Jumlah ini mewakili 87 peratus (740 penerbangan seminggu) daripada jumlah keseluruhan operasi penerbangan semasa tempoh sebelum wabak COVID-19.
5. MOT melalui MAVCOM akan meneruskan pemantauan terhadap harga tiket penerbangan bagi semua laluan penerbangan domestik termasuk laluan-laluan di antara Semenanjung Malaysia dengan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

6. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kerajaan pada tahun 2023 telah memperkenalkan inisiatif FLYasiswa iaitu bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan untuk pelajar universiti awam, pelajar politeknik dan kolej komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta pelajar matrikulasi dan institut pendidikan guru (IPG) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi laluan domestik di antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan bagi mengurangkan beban kewangan mahasiswa yang ingin pulang ke kampung halaman. Pelaksanaan inisiatif ini telah diteruskan pada tahun 2024 untuk manfaat hampir 60,000 mahasiswa terutamanya di Sabah dan Sarawak.
7. Inisiatif ini dilaksanakan melalui kaedah pemberian *credit shell* di mana syarikat penerbangan akan mengeluarkan baucar digital bernilai RM300 kepada setiap pelajar yang layak untuk ditebus bagi maksud pembelian tiket penerbangan bagi laluan-laluan domestik antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.
8. Seterusnya, Jemaah Menteri pada 13 Disember 2023 telah bersetuju dengan cadangan MOT untuk melaksanakan harga maksimum RM599 bagi tiket penerbangan sehala ekonomi dari Semenanjung ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Tempoh pelaksanaan inisiatif ini adalah pada 3 hari perjalanan sebelum tarikh sambutan perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Pesta Kaamatan, Hari Gawai dan Hari Krismas 2024.
9. Melalui inisiatif ini, harga maksimum tiket penerbangan kelas ekonomi sehala ditetapkan pada harga RM599 tidak termasuk cukai dan fi. Bagi tiket penerbangan kelas ekonomi yang melebihi RM599, Kerajaan akan membayar perbezaan harga antara harga asal tiket penerbangan dan harga maksimum tersebut.
10. Manakala tiket penerbangan yang berharga kurang daripada RM599 bagi laluan-laluan berkenaan akan dijual pada harga asal yang telah ditetapkan oleh syarikat-syarikat penerbangan. Ini tidak melibatkan sebarang subsidi bantuan tiket penerbangan oleh Kerajaan.

11. Dalam hubungan ini, Kerajaan selanjutnya telah bersetuju supaya FLYsiswa serta inisiatif bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan ke Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan sempena musim perayaan yang diluluskan di bawah inisiatif Belanjawan 2024 dijadikan inisiatif tahunan MOT.
12. Bermula Disember 2024, inisiatif harga maksimum tiket penerbangan ditambahbaik dengan harga asas maksimum RM499 berbanding RM599 manakala tempoh adalah 4 hari sebelum hari perayaan berbanding 3 hari sebelum ini.

Sekian, terima kasih.

NO SOALAN : 39